

LAPORAN KAJIAN

MEMAHAMI POTENSI DAN SUMBANGAN PELARIAN ROHINGYA KEPADA EKONOMI MALAYSIA

Mac 2023



PRRIa PARTNERS:



Funded by
the European Union

Reka bentuk oleh:
www.arasd.com

Kredit foto muka depan:
DRC/2023/Ahmad Yusni



Penghargaan

Pasukan penyelidikan: Organisasi komuniti Rohingya, Hui Yin Chuah (MMC)

Disemak oleh: Bram Frouws (MMC), Jane Linekar (MMC), Themba Lewis (MMC), Evan Jones (ADSP), Adam Severson (ADSP), Babette Schots (DRC)

Ribuan terima kasih kepada komuniti pelarian Rohingya di Malaysia, tanpa sokongan dan input yang berharga dari mereka, penyelidikan ini tidak mungkin dapat dilaksanakan.

Protecting Rohingya Refugees in Asia

Projek 'Protecting Rohingya Refugees in Asia' (PRRiA) merupakan gabungan Danish Refugee Council, Asia Displacement Solutions Platform, Mixed Migration Centre, Geutanyoë Foundation, HOST International Malaysia, dan Jesuit Refugee Service Indonesia untuk menambah baik respons perlindungan serantau dalam menyokong pelarian Rohingya.

Melalui sokongan daripada European Civil Protection and Humanitarian Aid Operations (ECHO), projek ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menangani risiko perlindungan dan keperluan pelarian Rohingya di Asia Tenggara dengan tumpuan khusus kepada Indonesia, Malaysia, dan Thailand. Melalui kerjasama rakan-rakan kongsi projek dengan kepakaran tertentu, projek ini menggabungkan kajian berasaskan bukti dengan program dan advokasi serta meneroka jalan baharu dalam sokongan terhadap pelarian Rohingya dan komuniti tuan rumah.

Untuk maklumat lanjut mengenai PRRiA, sila layari:

<https://drc.ngo/our-work/resources/protecting-rohingya-refugees-in-asia/>.

Berkenaan MMC

MMC adalah sebuah jaringan global yang terlibat dalam pengumpulan data, penyelidikan, analisis, serta polisi dan program pembangunan berkenaan migrasi bercampur. Hab-hab serantau MMC ditempatkan bawah pejabat serantau Danish Refugee Council di Africa, Asia Pasifik, Eropah dan Amerika Latin, serta sebuah unit pusat di Copenhagen, Geneva, dan Brussels.

MMC merupakan sumber utama bagi data, penyelidikan, analisis, serta kepakaran berkenaan migrasi bercampur yang bebas dan berkualiti tinggi. Matlamat MMC adalah meningkatkan kefahaman berkenaan migrasi bercampur, memberikan impak positif terhadap polisi - polisi migrasi global dan serantau, memaklumkan tindak balas perlindungan berdasarkan keterangan untuk orang - orang yang sedang berhijrah, serta menggalakkan pemikiran ke hadapan dalam wacana awam dan perdebatan polisi berkenaan migrasi bercampur. Fokus keseluruhan MMC adalah hak asasi manusia dan perlindungan untuk semua orang yang sedang berhijrah.

MMC merupakan sebahagian daripada Danish Refugee Council (DRC).

Untuk maklumat lanjut berkenaan MMC, layari laman web kami: mixedmigration.org dan ikuti kami di [@Mixed_Migration](https://twitter.com/Mixed_Migration).

Isi Kandungan

RINGKASAN EKSEKUTIF	1
1.0 PENGENALAN	2
Objektif kajian	3
Soalan kajian	3
2.0 METODOLOGI	4
Kaedah kajian	4
Pensampelan	4
Pengumpulan dan analisis data	4
3.0 PROFIL RESPONDEN	6
4.0 HASIL KAJIAN	7
Kemahiran	7
Mata pencarian	7
Akses kepada maklumat	10
Risiko dan cabaran	11
Bantuan	12
Persepsi mengenai prospek di Malaysia	12
Potensi sumbangan kepada ekonomi Malaysia	13
5.0 KESIMPULAN	14
LAMPIRAN 1 – Agenda Bengkel Pembinaan Kapasiti	16
LAMPIRAN 2 – Soal selidik tinjauan	18
LAMPIRAN 3 – Panduan temu duga separa berstruktur	24

Senarai Rajah

Rajah 1: Taburan kumpulan umur mengikut jantina	6
Rajah 2: Tahap pendidikan mengikut jantina	6
Rajah 3: Penguasaan bahasa Melayu mengikut jantina	7
Rajah 4: Jenis pekerjaan sebelum dan selepas datang ke Malaysia	8
Rajah 5: Pekerjaan mengikut sector	9
Rajah 6: Kadar pengangguran mengikut jantina	9
Rajah 7: Sumber maklumat mengenai pekerjaan	10
Rajah 8: Perbelanjaan bulanan di Malaysia	11
Rajah 9: Jenis eksploitasi yang dialami kerana majikan	11
Rajah 10: Jenis insiden perlindungan yang dialami di tempat kerja (dilakukan oleh pihak berkuasa)	12
Rajah 11: Persepsi mengenai prospek di Malaysia	13

RINGKASAN EKSEKUTIF

Setakat November 2022, Malaysia merupakan tuan rumah kepada 182,990 orang pelarian dan pemohon suaka di mana 106,120 daripada jumlah tersebut adalah Rohingya. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak menandatangani Konvensyen 1951 Berkaitan Status Pelarian atau Protokol 1967 dan tidak mempunyai rangka kerja perundangan untuk perlindungan pelarian. Walaupun pelarian tidak dapat bekerja secara sah di Malaysia, kajian UNHCR mendapati bahawa 60% pelarian dewasa di Malaysia mempunyai pekerjaan secara tidak formal. Pekerjaan dalam sektor informal membentuk 23% daripada jumlah pekerjaan di Malaysia pada tahun 2021. Saiz sector informal yang besar ini juga menyumbang banyak peluang pekerjaan untuk pelarian. Walau bagaimanapun, pelarian yang bekerja dalam sektor informal ini terdedah kepada risiko eksploitasi yang tinggi, termasuk penderaan secara lisan dan fizikal oleh majikan, tidak membayar gaji atau bayaran yang tidak mencukupi, dan kekurangan perlindungan dalam persekitaran kerja yang berisiko tinggi.

Melalui kerjasama antara organisasi komuniti Rohingya (CBO), Mixed Migration Centre (MMC) dan rakan-rakan kongsi projek Protecting Rohingya Refugees in Asia (PRRIA), kajian *participatory* telah dijalankan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai strategi dan cabaran yang dihadapi pelarian Rohingya ketika mencari rezeki di Malaysia. Kajian ini memberi tumpuan kepada profil pekerjaan dan cabaran yang dihadapi pelarian Rohingya dalam mengakses mata pencarian dan pekerjaan yang baik, serta potensi mereka untuk menyumbang kepada ekonomi Malaysia, sekiranya mereka diberi hak kerja secara sah.

Kajian ini membentangkan bukti yang dikumpul oleh komuniti Rohingya untuk memaklumkan punggubalan dasar mengenai isu-isu yang berkaitan dengan hak bekerja pelarian Rohingya di Malaysia.

Penemuan Utama

Kemahiran

1. Pengetahuan bahasa Melayu paling kerap dilaporkan (22%) sebagai kemahiran yang berguna dalam pasaran kerja, diikuti oleh kemahiran pembinaan (21%) dan kemahiran memotong rumput (13%).
2. Lima kemahiran utama yang responden berminat untuk belajar supaya boleh menjana pendapatan yang lebih baik adalah: elektrik dan pendawaian (16%), jahitan (14%), bahasa Inggeris (12%), servis penyaman udara (11%), dan perniagaan atau perakaunan (9%).

Mata pencarian

3. Responden lelaki dilaporkan bermanfaat daripada rezeki yang lebih baik di Malaysia kerana kadar pengangguran mereka telah menurun dari 30% sebelum datang ke Malaysia ke 2% di Malaysia; kadar pengangguran untuk responden wanita menurun sedikit sahaja dari 26% ke 20%.
4. Di Malaysia, kebanyakan responden bekerja dalam sector perkhidmatan (47%), pembinaan (23%), dan bekerja sendiri (10%). Sebelum datang ke Malaysia, kebanyakan yang bekerja terlibat dalam bidang pertanian dan perikanan (23%), bekerja sendiri (11%), dan perkhidmatan (7%).

Akses kepada maklumat

5. 39% responden mendapatkan maklumat tentang kerja atau kekosongan jawatan di Malaysia melalui keluarga atau rakan-rakan dan 31% mendapatkan maklumat tersebut dari organisasi komuniti. Ada juga responden yang mencari kerja dari pintu ke pintu (31%) dan bertanya dengan rakyat tempatan (29%).

Risiko dan cabaran

6. 87% daripada 158 responden yang telah bekerja dalam tempoh lima tahun yang lalu di Malaysia dilaporkan mengalami insiden perlindungan di tempat kerja mereka. Eksploitasi yang paling biasa dialami adalah dari majikan, dan berkaitan dengan gaji.
7. Penangkapan atau penahanan (66%), rasuah atau peras ugut (61%), dan rampasan kad UNHCR (40%) atau ID lain adalah tiga insiden perlindungan yang paling biasa dilakukan oleh pihak berkuasa.

Bantuan

8. Walaupun majoriti responden mempunyai pekerjaan, sebahagian besar masih hidup dalam keadaan tidak menentu. 95% mengalami keperluan untuk bantuan sara hidup, terutamanya bantuan kewangan, tetapi kebanyakan (87%) melaporkan bahawa mereka tidak menerima apa-apa bantuan dalam tempoh 12 bulan yang lalu di Malaysia.

Cadangan Polisi

Untuk organisasi kemanusiaan dan bantuan:

- i. Merangka pengaturcaraan mata pencarian yang mengarusperdanakan jantung ('mainstream gender'), dan mengambil kira kekuatan komuniti pelarian, keperluan mereka serta menggalakkan kelestarian dan daya tahan komuniti.
- ii. Memudahkan akses kepada maklumat tentang peluang mata pencarian dan bantuan perlindungan yang sedia ada.
- iii. Memperjuangkan hak untuk bekerja secara sah.

Untuk pembuat dasar di Malaysia:

- i. Mengesahkan hak untuk bekerja bagi pelarian melalui penglibatan komuniti pelarian, sektor swasta, warganegara Malaysia, organisasi masyarakat sivil dan organisasi antarabangsa.
- ii. Menggalakkan perlindungan buruh dan pampasan yang adil untuk pekerjaan informal.



1.0 PENGENALAN

Laporan ini adalah hasil kajian *participatory* yang dijalankan melalui kerjasama antara organisasi komuniti (CBO) Rohingya dan rakan-rakan kongsi projek 'Protecting Rohingya Refugees in Asia'. Kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik mengenai strategi dan cabaran yang dihadapi pelarian Rohingya ketika mencari rezeki di Malaysia. Kajian tersebut memberi tumpuan kepada profil pekerjaan yang berkaitan dan cabaran yang dihadapi pelarian Rohingya dalam mengakses mata pencarian dan pekerjaan yang baik, serta potensi mereka untuk menyumbang lebih banyak kepada ekonomi Malaysia sekiranya mereka diberi hak untuk bekerja secara sah. Kajian ini membentangkan bukti yang dikumpul oleh komuniti Rohingya untuk memaklumkan penggubalan dasar mengenai isu-isu yang berkaitan dengan hak kerja pelarian Rohingya di Malaysia. Penemuan dalam laporan ini akan digunakan untuk memaklumkan aktiviti advokasi yang dijalankan oleh CBO.

Setakat November 2022, Malaysia menjadi tuan rumah kepada 182,990 orang pelarian dan pemohon suaka, 106,120 daripada jumlah tersebut adalah Rohingya.¹ Walau bagaimanapun, Malaysia tidak menandatangani Konvensyen 1951 Berkaitan Status Pelarian atau Protokol 1967 dan tidak mempunyai rangka kerja perundangan untuk perlindungan pelarian. Pelarian dan pemohon suaka tidak mempunyai status sah di Malaysia mahupun akses yang jelas kepada perlindungan antarabangsa dan disifatkan sebagai pendatang 'haram' di bawah Akta Imigresen Malaysia 1959/1963. Walaupun begitu, kemasukan pelarian dan pemohon suaka ke Malaysia, sedikit sebanyak ditoleransi oleh pihak kerajaan atas "kemanusiaan".² Tanpa mekanisme perundangan mengenai isu pelarian, pihak kerajaan telah membiarkan tanggungjawab perlindungan dan pendaftaran pelarian kepada UNHCR.³ Dokumentasi yang dikeluarkan oleh UNHCR memberikan perlindungan minimum kepada pelarian. Namun begitu, mereka masih menghadapi risiko ditangkap dan ditahan kerana perundangan yang tidak jelas mengenai isu pelarian.⁴

Mengikut pihak kerajaan, Malaysia hanya merupakan negara transit bagi pelarian dan pemohon suaka, di mana mereka akhirnya akan dihantar pulang ke negara asal mereka atau ditempatkan ke negara ketiga.⁵ Oleh itu, integrasi tempatan adalah mustahil bagi warga Rohingya. Dari segi perundangan, pelarian atau pemohon suaka juga tidak dapat memohon status penduduk tetap atau kewarganegaraan di Malaysia. Memandangkan penganiayaan terhadap kumpulan minoriti dan konflik yang berterusan di Myanmar, polisi penghantaran pulang ke negara asal adalah tidak realistik terutamanya bagi pelarian Rohingya yang telah berdekad-dekad lamanya menghadapi diskriminasi sistemik dan keganasan yang disasarkan. Pada masa yang sama, kuota penempatan ke negara ketiga adalah sangat terhad, di mana jumlah orang pelarian yang telah ditempatkan ke negara ketiga adalah kurang daripada satu peratus setiap tahun.⁶ Akibatnya, pelarian Rohingya di Malaysia terperangkap dalam keadaan semasa tanpa penyelesaian jangka panjang – mereka tidak dapat ditempatkan ke negara lain mahupun pulang ke negara asal.

Walaupun pelaku bukan kerajaan memainkan peranan penting dalam memberi sokongan dan perkhidmatan kepada warga pelarian, sokongan ini tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan warga pelarian yang telah lama wujud. Selain itu, operasi organisasi bantuan adalah terhad kerana persekitaran yang terbatas terutamanya bagi organisasi bukan kerajaan (NGO) antarabangsa di Malaysia.⁷ Kajian 2011 oleh International Rescue Committee mendedahkan bahawa hanya 7% daripada 1,000 isi rumah pelarian di Kuala Lumpur telah menerima bantuan kemanusiaan.⁸ Akses pelarian kepada bantuan kemanusiaan tetap tidak bertambah baik dalam beberapa tahun ini kerana bantuan kemanusiaan yang sedia ada kepada pelarian di Malaysia adalah terhad dan tidak tentu.⁹ Kajian juga menunjukkan bahawa sebagai tindak balas kepada kekurangan sokongan daripada pihak kerajaan dan organisasi bantuan, komuniti pelarian telah mendokong pendekatan berdikari dan menubuhkan organisasi berasaskan komuniti yang menawarkan sokongan dan bantuan dalam komuniti.¹⁰

Walaupun pelarian terhalang daripada bekerja secara sah, tinjauan baseline sosioekonomi Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) 2016 mendapati bahawa 60% pelarian dewasa di Malaysia sedang bekerja.¹¹ Pekerjaan dalam sektor informal membentuk 23% daripada jumlah pekerjaan di Malaysia pada tahun 2021. Saiz sektor informal yang besar ini juga menyumbang banyak peluang pekerjaan untuk pelarian. Kebanyakan pelarian yang bekerja, jika tidak semua, terlibat dalam kerja informal.¹² Walau bagaimanapun, pelarian yang bekerja dalam sektor informal ini terdedah kepada risiko eksploitasi yang tinggi, termasuk penderaan secara lisan dan fizikal oleh majikan, tidak membayar gaji atau bayaran yang tidak mencukupi, dan kekurangan perlindungan dalam persekitaran kerja yang berisiko tinggi.¹³

1 Jumlah ini tidak merangkumi semua pelarian di Malaysia kerana ia hanya termasuk mereka yang telah berdaftar dengan UNHCR. Lihat UNHCR (2022) *Figures at a Glance in Malaysia*.

2 Abd Jalil, A. (2021) *The Paradox of Malaysia's 'Humanitarian Grounds'*. Oxford Law Blog.

3 UNHCR. (2023) *UNHCR - Malaysia*.

4 Walaupun pelarian dengan dokumentasi yang dikeluarkan oleh UNHCR diiktiraf dan dikecualikan daripada penangkapan di bawah Akta Imigresen, kes-kes penangkapan dan penahanan pelarian yang memegang dokumen UNHCR masih berlaku. Lihat Lego, J. (2012) *Protecting and Assisting Refugees in Malaysia: The Role of the UNHCR, Informal Mechanisms, and the 'Humanitarian Exception'*

5 Alhadjri, A. (2020) *Minister: Rohingya refugees to be deported or resettled*. Malaysiakini.

6 UNHCR. (2022) *Resettlement*.

7 Wake, C. & Cheung, T. (2016). *Livelihood strategies of Rohingya refugees in Malaysia 'We want to live in dignity'*.

8 IRC (2012) *In search of survival and sanctuary in the city*.

9 Sheikh, S. (2019) *Cash or Kind? The Debate Over Humanitarian Assistance Continues in Malaysia*. The Diplomat.

10 McConnachie, "Securitization and Community-Based Protection Among Chin Refugees in Kuala Lumpur"; Nah, "The Ambiguous Authority of a 'Surrogate State': UNHCR's Negotiation of Asylum in the Complexities of Migration in Southeast Asia."

11 UNHCR (2019) *Decentralized Evaluation of UNHCR's Livelihoods Programme in Malaysia (2015-2018)*.

12 Walaupun pelarian tidak mempunyai hak bekerja secara sah di Malaysia, minoriti masih dapat mencari pekerjaan yang sah bawah kontrak terutamanya dengan NGO atau organisasi antarabangsa dan berhak mendapat perlindungan sosial dan faedah pekerjaan tertentu.

13 Nungsari, M. & Flanders, S. (2018) *A Comprehensive Study of Rohingya Construction Workers in Peninsular Malaysia and Recommendations for a Future Work Pilot Program*. Asia School of Business; IRC (2012) *In search of survival and sanctuary in the city*

Kajian yang berkaitan dengan pekerjaan pelarian atau sumbangan pelarian kepada ekonomi Malaysia secara meluas tertumpu kepada populasi pelarian secara keseluruhan, atau pada sektor ekonomi tertentu.¹⁴ Walau bagaimanapun, profil pekerjaan dan cabaran yang dihadapi oleh pelarian adalah berlainan mengikut komuniti mereka, seperti yang dinyatakan oleh kajian UNHCR:

*'kadar pekerjaan dan bekerja sendiri berbeza secara drastik merentas kumpulan etnik dan jantina. Dalam kalangan pelarian dewasa yang berdaftar, 60 peratus sedang bekerja. Namun, bagi pelarian Rohingya, hanya lebih kurang separuh (52 peratus) yang bekerja, manakala kategori bekerja sendiri Rohingya tercatat pada 11 peratus, iaitu tertinggi berbanding kumpulan etnik lain.'*¹⁵

Pemerhatian yang sama juga dibentangkan dalam laporan Asia Pacific Refugee Rights Network:

*'komuniti pelarian di Malaysia adalah heterogen – individu mempunyai pelbagai ciri, kemahiran, tahap pendidikan, dan kebolehan tertentu.'*¹⁶

Dengan latar belakang ini, kajian ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai profil ekonomi pelarian Rohingya di Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada objektif kajian dan soalan kajian berikut.

Objektif kajian

Untuk lebih memahami dan menerangkan potensi dan sumbangan pelarian Rohingya kepada ekonomi Malaysia.

Soalan kajian

1. Bagaimanakah wanita dan lelaki Rohingya dewasa menjana pendapatan (jenis pekerjaan, sektor ekonomi, pengalaman kerja) di Malaysia, dan sebelum datang ke Malaysia?
2. Apakah set kemahiran yang pelarian Rohingya ada (atau diperlukan) untuk menyumbang kepada penjaanaan pendapatan yang lebih besar?
3. Apakah saluran yang digunakan oleh pelarian Rohingya untuk mengakses maklumat yang berkaitan dengan aktiviti menjana pendapatan, dan sejauh manakah sumber maklumat ini boleh dipercayai?
4. Adakah pelarian Rohingya menerima bantuan atau sokongan sara hidup? Jika ya, bagaimanakah sokongan ini menyumbang kepada aktiviti menjana pendapatan secara keseluruhan?

14 IRC (2012) *In search of survival and sanctuary in the city*; Todd, L., Amirullah, A. & Wan, Y. S. (2019) *Economic Impact of Granting Refugees in Malaysia the Right to Work*. IDEAS; Nungsari, M., Flanders, S. & Chuah, HY (2020) *Poverty and precarious employment: the case of Rohingya refugee construction workers in Peninsular Malaysia*. Humanities and Social Sciences Communications; APRRN (2020) *Towards Refugees' Right to Work An Analysis of Employment Trends for Refugees in Thailand and Malaysia*.

15 UNHCR (2019) *Decentralized Evaluation of UNHCR's Livelihoods Programme in Malaysia (2015-2018)*, p.p. 43.

16 APRRN (2020) *Towards Refugees' Right to Work An Analysis of Employment Trends for Refugees in Thailand and Malaysia*, p.p. 16-18.



2.0 METODOLOGI

Kaedah kajian

Kajian ini dijalankan melalui metodologi participatory yang menggunakan teknik pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif. Mixed Migration Centre (MMC) dan Asia Displacement Solutions Platform (ADSP) telah menganjurkan bengkel pembinaan kapasiti mengenai penyelidikan dan advokasi dengan dua CBO Rohingya pada Julai 2022. Bengkel tersebut berlangsung selama empat hari di Kuala Lumpur dan dihadiri oleh 17 orang peserta (Lihat Lampiran 1 untuk agenda bengkel) Selepas bengkel itu, para peserta terlibat dalam kajian ini sebagai penyelidik bersama dan memainkan peranan dalam membentuk dan memaklumkan topik penyelidikan, objektif, reka bentuk alat penyelidikan, pengumpulan data dan analisis bawah sokongan pasukan MMC. Peserta bengkel juga bertindak sebagai pembanci yang menjalankan tinjauan dan temu bual separa berstruktur dengan peserta kajian. Akhir sekali, MMC mengetuai penulisan laporan penyelidikan, berdasarkan input daripada penyelidik bersama atau pembanci dan penemuan mereka.

Kajian ini menggunakan kedua-dua data primer dan sekunder. Data sekunder dikumpul melalui tinjauan pustaka yang merangkumi pelbagai sumber termasuk media berita, penerbitan ilmiah, dan laporan kerajaan atau organisasi, manakala data primer dikumpul melalui tinjauan kuantitatif dengan 200 pelarian Rohingya di Semenanjung Malaysia. Soal selidik tinjauan (Lihat Lampiran 2) merangkumi lima bidang utama: profil, mata pencarian lampau, mata pencarian semasa, akses kepada pekerjaan, serta risiko dan cabaran. Ini juga dilengkapi dengan lapan temu bual separa berstruktur (Panduan temu bual dilampirkan dalam Lampiran 3), yang terdiri daripada dua orang peserta dari setiap kategori status pekerjaan di bawah:

- i. Kerja sepenuh masa dengan pendapatan tetap
- ii. Kerja sambilan/tidak tetap
- iii. Pemilik perniagaan/bekerja sendiri
- iv. Tidak bekerja

Pensampelan

Tinjauan dijalankan terhadap pelarian Rohingya¹⁷ berusia antara 18 dan 64 tahun. Pensampelan bertujuan (purposive) digunakan untuk mengambil kira faktor-faktor yang berlainan termasuk jantina, umur, pekerjaan, status pendidikan, dan lokasi geografi. Pasukan penyelidik terlebih dahulu menghubungi peserta berpotensi melalui rangkaian sosial mereka dan kemudian menggunakan pensampelan bola salji melalui rujukan dari peserta-peserta awal.¹⁸ Oleh kerana pensampelan kajian ini bukan secara rawak, adalah penting untuk dimaklumkan bahawa sampel kajian ini mungkin tidak mewakili populasi Rohingya secara keseluruhan.

Pengumpulan dan analisis data

Tinjauan telah dijalankan melalui temu bual secara bersemuka sejauh mungkin. Namun, dalam keadaan di mana tinjauan secara bersemuka tidak dapat dilakukan,¹⁹ pembanci menjalankan tinjauan dari jauh melalui panggilan telefon atau WhatsApp - 41.5% daripada tinjauan dijalankan melalui kaedah ini. Analisis data memberi fokus pada statistik deskriptif untuk mengenal pasti gambaran umum dan trend dalam data. Pasukan penyelidik juga menjalankan perbandingan data antara pembolehubah yang berbeza seperti jantina dan kumpulan umur. Analisis tematik telah dijalankan menggunakan data kualitatif yang dikumpul daripada temu bual separa berstruktur, di mana ia dapat memberikan maklumat yang lebih mendalam tentang mata pencarian pelarian Rohingya.

17 Istilah 'pelarian' digunakan secara meluas dalam penyelidikan ini untuk memasukkan kedua-dua pelarian dan pemohon suaka dan tidak terhad kepada mereka yang berdaftar dengan UNHCR.

18 Atkinson, R & Flint, J. (2001). [Accessing Hidden and Hard-to-Reach Populations: Snowball Research Strategies](#).

19 Disebabkan isu-isu seperti jarak perjalanan yang jauh atau halangan dalam menjadualkan temu duga.




Photo Credit: DRC/2023/Ahmad Yusni



3.0 PROFIL RESPONDEN

Responden tinjauan terdiri daripada 134 lelaki dan 66 wanita, dengan usia purata 29.3 tahun. Kebanyakannya tergolong dalam kumpulan umur 18-25 dan 26-35. Responden tinggal di 10 negeri dan dua wilayah persekutuan di Malaysia, dengan 71% tinggal di Kuala Lumpur dan Selangor. Responden telah tiba di Malaysia antara tahun 1987 dan 2022, dan telah berada di Malaysia selama 9.5 tahun secara purata. Enam responden dilahirkan di Malaysia dan dalam lingkungan umur 18-33 tahun.


Rajah 1: Taburan kumpulan umur mengikut jantina



Dari segi status migrasi, majoriti responden (83%) adalah pelarian yang memegang kad UNHCR,²⁰ 12% adalah pelarian yang tidak berdaftar dan tanpa sebarang dokumentasi sah, dan 5% adalah pelarian yang sedang dalam proses penentuan status pelarian.

Lebih daripada satu perempat dari keseluruhan responden (31%) tidak mencapai sebarang persekolahan, manakala 48% telah menamatkan sekolah rendah. Kurang daripada satu perempat (21%) telah menamatkan sekolah menengah, manakala hanya 2% daripada responden telah menamatkan pendidikan tinggi. Mengikut pemerhatian, tahap pendidikan responden secara keseluruhan adalah rendah. Ini adalah berpunca dari penafian secara sistemik hak pendidikan formal kepada warga Rohingya di Myanmar serta akses kepada pendidikan awam yang terhad di negara suaka seperti Bangladesh dan Malaysia. Tahap pendidikan juga berbeza mengikut jantina. Wanita lebih berpendidikan daripada lelaki seperti yang ditunjukkan di bawah – jumlah responden perempuan yang tidak menamatkan sebarang persekolahan (20%) adalah lebih rendah berbanding dengan responden lelaki (36%); dan bilangan graduan universiti adalah lebih tinggi dalam kalangan perempuan (3%) berbanding lelaki (1%). Penemuan ini berbeza daripada jurang jantina yang biasa diperhatikan dalam kalangan populasi pelarian Rohingya dalam kajian lain,²¹ dan tahap pendidikan wanita yang agak tinggi dalam sampel ini perlu diberi tumpuan apabila mempertimbangkan hasilnya.

Rajah 2: Tahap pendidikan mengikut jantina



20 Pelarian di Malaysia akan diberikan kad UNHCR apabila menerima keputusan penentuan status pelarian yang positif. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk ambil perhatian bahawa walaupun pemegang kad diiktiraf sebagai orang di bawah perlindungan UNHCR, ia tidak memberikan mereka apa-apa status undang-undang di Malaysia.

21 MMC (2021) Profiles and Drivers of Rohingya moving to Malaysia; Inter-Sector Coordination Group (2017) Gender Profile No. 1 For Rohingya Refugee Crisis Response, Cox’s Bazar, Bangladesh; Banerjee, S. (2021) Children Left Behind: Challenges in Providing Education to the Rohingya Children in Bangladesh. Observer Research Foundation.

4.0 HASIL KAJIAN

Kemahiran

Dalam kalangan responden yang bekerja, pengetahuan bahasa Melayu paling kerap dilaporkan (22%) sebagai kemahiran yang berguna dalam pasaran kerja, diikuti oleh kemahiran pembinaan (21%) dan kemahiran memotong rumput (13%). Seorang responden yang bekerja sebagai pembantu di sebuah kedai menjual daging beku melaporkan pengalaman berikut mengenai kepentingan penguasaan bahasa Melayu:


“Tidak perlu kemahiran [lain] [dalam pekerjaan saya sekarang] selain bahasa Melayu kerana kebanyakan pelanggan kedai bercakap bahasa Melayu.” Peserta lelaki, 24, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur

Profil kemahiran berbeza mengikut jantina - antara 27 responden wanita yang bekerja, tiga kemahiran paling bermanfaat yang dilaporkan ialah bahasa Melayu (26%), memasak (26%), dan pembersihan (19%); manakala 131 responden lelaki yang bekerja melaporkan bahawa kemahiran membina (25%), bahasa Melayu (21%), dan kemahiran memotong rumput (15%) merupakan kemahiran yang paling berguna dalam peranan mereka sekarang.

Secara keseluruhan, lima kemahiran utama yang responden berminat untuk belajar bagi penjana pendapatan yang lebih baik adalah: elektrik dan pendawaian (16%), penjahitan (14%), Inggeris (12%), servis penghawa dingin (11%), dan perniagaan atau perakaunan (9%). Ia juga berbeza mengikut jantina. Antara responden wanita, 28 orang melaporkan bahawa mereka berminat untuk belajar menjahit, diikuti dengan bahasa Inggeris (n=17), bahasa Melayu (n=11), bakeri (n=10), dan memasak (n=7). Sebaliknya, lima kemahiran utama responden lelaki berminat untuk belajar adalah elektrik dan pendawaian (24%), servis penghawa dingin (16%), bahasa Inggeris (14%), perakaunan atau perniagaan (10%), dan mekanik auto (7%).

Walaupun majoriti responden (81%) dapat bertutur dalam bahasa Melayu (tahap penguasaan bahasa dari 'OK' hingga 'sangat baik' yang diisytiharkan sendiri), jurang jantina yang ketara adalah jelas. Hampir separuh daripada responden wanita (47%) tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu, jumlah ini hampir lapan kali ganda berbanding dengan responden lelaki (hanya 6% tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu).

Rajah 3: Penguasaan bahasa Melayu mengikut jantina




Mata pencarian

Profil mata pencarian responden berubah dengan ketara waktu mereka di Malaysia. Rajah-rajah di bawah membandingkan pengalaman mengenai mata pencarian responden sebelum mereka datang ke Malaysia dan semasa mereka berada di Malaysia. Kadar pengangguran responden sebelum datang ke Malaysia (56%) adalah lebih daripada dua kali ganda kadar di Malaysia (21%). Bilangan responden yang terlibat dalam pekerjaan sepenuh masa juga meningkat dengan ketara daripada 14% kepada 55%.



Rajah 4: Jenis pekerjaan sebelum dan selepas datang ke Malaysia



Seperti yang dilaporkan oleh salah seorang pembanci,


“Masa di kampung [di Myanmar], kita ada tanah [untuk bercucuk tanam], kita ada rumah sendiri, kita tidak perlu bekerja. Sekarang di Malaysia, kita kena bayar sewa, makanan dan lain-lain. Jadi, kita mesti bekerja. Ini adalah satu-satunya cara untuk terus hidup di sini.” – Peserta wanita, 33, Kuala Lumpur, penyelidik bersama/pembanci

Kadar pengangguran sebelum datang ke Malaysia adalah tinggi (56%) kerana kebanyakan responden terlibat dalam kegiatan ekonomi sara diri termasuk pertanian dan perikanan dan mereka jarang memperoleh pendapatan melalui pekerjaan. Memandangkan pemilikan tanah sendiri adalah biasa di Myanmar, ia membolehkan responden membina rumah dan kebun atas tanah mereka sendiri. Kebanyakannya tidak banyak berbelanja dalam kehidupan seharian mereka dan mampu menyara hidup diri sendiri. Seperti yang dilaporkan oleh salah seorang peserta temu bual:

“[Kami mempunyai] kos perbelanjaan yang rendah kerana adanya sayur-sayuran yang ditanam di halaman belakang rumah. Ada kalanya kami cuma perlu membeli ikan... Ayah saya membina [sebuah] rumah untuk kami dan ia tahan lama.” – Peserta lelaki, 37, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur

Lebih kurang 23% dari keseluruhan responden bekerja dalam ‘pertanian dan perikanan’ sebelum datang ke Malaysia. Tetapi jumlah ini menyusut kepada sifar selepas mereka datang ke Malaysia. Penglibatan responden dalam sektor perkhidmatan meningkat hampir tujuh kali ganda di Malaysia, daripada 7% sebelum datang ke Malaysia kepada 47% di Malaysia. Pekerjaan biasa yang dilaporkan dalam sektor perkhidmatan termasuk pemetongan rumput, pembersihan, dan mencuci kereta. Ini diikuti oleh sektor pembinaan, di mana kira-kira satu perempat daripada keseluruhan responden (23%) terlibat dalam sektor ini selepas datang ke Malaysia, berbanding dengan hanya 3% sebelum datang ke Malaysia. Sesetengah responden bekerja sendiri (10%) sebagai mengumpul besi buruk atau barang untuk dikitar semula, tukang jahit, dan penjaja.

Rajah 5: Pekerjaan mengikut sector



Walaupun responden lelaki mempunyai tahap pencapaian pendidikan yang lebih rendah berbanding dengan responden wanita (lihat Rajah 2), mereka dilaporkan lebih bermanfaat daripada rezeki yang lebih baik di Malaysia. Kadar pengangguran bagi responden lelaki sebelum datang ke Malaysia adalah setinggi 30%, dan kadar ini telah menurun kepada 2% selepas datang ke Malaysia. Sebaliknya, kadar pengangguran bagi responden wanita sebelum datang ke Malaysia adalah 26% dan selepas datang ke Malaysia adalah 20%.

Hanya 27 daripada 66 responden wanita terlibat dalam aktiviti penjana pendapatan di Malaysia: 17 mempunyai pekerjaan sepenuh masa, lapan bekerja sambil, dan lima bekerja sendiri.²² Sektor utama responden wanita bekerja adalah perkhidmatan (n=11), NGO atau organisasi antarabangsa (n=8), industri/pembuatan (n=5), dan restoran (n=5).²³


Salah satu halangan utama untuk bekerja bagi responden wanita ialah norma jantina dalam komuniti, seperti yang dilaporkan oleh seorang wanita yang ditemu duga:

“Saya tidak pernah bekerja di luar rumah. Disebabkan agama, ibu bapa dan suami saya tidak membenarkan saya bekerja.” – Peserta wanita, 44, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur

Seorang lagi responden wanita yang merupakan ibu tunggal, berkongsi cabaran dalam mengakses penjagaan kanak-kanak sebagai penghalang untuk bekerja:

“Sangat sukar bagi saya untuk bekerja di sini dengan tiga anak kecil, tanpa suami dan untuk mendapatkan wang untuk menyara diri saya dan anak-anak saya.” – Peserta wanita, 28, Kuala Lumpur, peserta separa berstruktur

Rajah 6: Kadar pengangguran mengikut jantina



²² Jumlahnya melebihi 27 kerana beberapa responden wanita bekerja sendiri dan bekerja sambil.

²³ Sesetengah responden bekerja dalam pelbagai peranan dalam industri yang berbeza.



Akses kepada maklumat

Memandangkan pengambilan orang tanpa dokumen untuk bekerja adalah menyalahi undang-undang di Malaysia, peluang pekerjaan yang selalunya diiklankan di platform utama adalah terhad kepada mereka yang mempunyai dokumentasi. Oleh itu, pelarian Rohingya tidak dapat mencari pekerjaan melalui saluran utama ini tanpa dokumen identiti dan permit kerja yang sah. Akibatnya, rangkaian sosial memainkan peranan penting dalam memberikan maklumat mengenai peluang menjana pendapatan yang ada, terutamanya dalam sector informal bagi golongan pelarian. 39% responden mendapatkan maklumat tentang kerja atau kekosongan jawatan di Malaysia melalui keluarga atau rakan-rakan dan 31% mendapatkan maklumat tersebut dari organisasi komuniti. Sebagai contoh, maklumat mengenai kekosongan jawatan dalam sektor pembinaan biasanya tidak diedarkan secara terbuka dan sering menjadi buah mulut dalam kalangan rakan-rakan yang sudah bekerja di tapak pembinaan yang sama.

“Saya bekerja sebagai buruh binaan. Pekerjaan sebegini [biasanya] boleh didapati melalui rujukan rakan.” - Peserta lelaki, 37, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur

Ini menunjukkan bahawa ahli komuniti yang tidak mempunyai hubungan yang rapat dalam komuniti mungkin menghadapi cabaran yang lebih besar berbanding dengan orang lain dalam mengakses peluang pekerjaan.


“Ia sangat sukar [untuk mencari pekerjaan], kerana halangan bahasa dan tiada hubungan dengan masyarakat.” - Peserta wanita, 30, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur

Sumber maklumat mengenai pekerjaan lain yang popular dalam kalangan responden adalah melalui pintu ke pintu (31%) dan bertanya kepada rakyat tempatan (29%). Seorang responden wanita yang pernah menjadi tukang jahit di kem pelarian Bangladesh mendapat peluang pekerjaan dengan bertanya-tanya pada kedai jahit di kejirannya:

“Tempat [di mana saya tinggal] mempunyai beberapa kedai kain. Satu kali, saya menghubungi pemilik kedai dan bertanya [jika ada] peluang pekerjaan. Pemilik kedai [memeriksa sampel kerja saya] dan kemudian membayar saya [untuk kerja saya].” - Peserta wanita, 38, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur

Walaupun media sosial hanya digunakan oleh 6% daripada keseluruhan responden untuk mengakses maklumat mengenai pekerjaan, seorang penyelidik bersama berkongsi bahawa sebuah halaman Facebook merupakan platform pekerjaan yang berkesan untuk mereka. Dia turut menjelaskan bahawa peluang pekerjaan untuk pelarian biasanya diiklankan di halaman tersebut dan dilengkapi dengan maklumat mengenai pakej gaji. Majikan yang menyiarkan peluang pekerjaan di halaman tersebut juga dimaklumkan mengenai risiko mengupah pelarian dan terbuka untuk mengupah pelarian. Namun, walaupun platform ini digunakan secara meluas pada masa lalu, bilangan iklan pekerjaan di halaman tersebut telah menurun dengan ketara dan tidak aktif sejak 2020. Selain itu, akses kepada media sosial adalah mustahil bagi individu yang buta huruf atau tidak celik teknologi.


Rajah 7: Sumber maklumat mengenai pekerjaan



Walaupun sebahagian daripada responden mempunyai akses kepada mata pencarian di Malaysia, tahap pendapatan sering terbukti tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan hidup. Majoriti responden (72%) berbelanja lebih daripada RM1,500 (USD344)²⁴ sebulan. Kurang daripada separuh responden (41%) melaporkan bahawa mereka kais pagi makan pagi, kais petang makan petang untuk memenuhi keperluan asas mereka, manakala 36% responden tidak mampu memenuhi keperluan asas dan terpaksa meminjam wang dan bergantung kepada rakan atau keluarga.

24 Berdasarkan kadar pertukaran RM4.36/USD pada 13 Feb.

Rajah 8: Perbelanjaan bulanan di Malaysia



Risiko dan cabaran

Walaupun pelarian Rohingya dapat memperoleh pekerjaan secara informal, mereka menghadapi risiko dan cabaran yang besar di tempat kerja kerana kekurangan pengiktirafan dan perlindungan undang-undang. Pelbagai jenis insiden perlindungan yang dialami di tempat kerja mereka boleh dibahagikan kepada insiden yang dilakukan oleh majikan dan oleh pihak berkuasa.

Majikan

87% daripada 158 responden yang pernah bekerja dalam tempoh lima tahun yang lalu di Malaysia dilaporkan mengalami pelbagai insiden perlindungan di tempat kerja mereka. Eksploitasi yang paling kerap dialami berpunca dari majikan dan berkaitan dengan gaji. 63% responden melaporkan bahawa mereka dibayar lebih kurang daripada rakyat Malaysia atau pekerja asing lain walaupun jawatannya sama, dan 48% mengalami isu pembayaran gaji seperti pembayaran lewat dan/atau penahanan gaji. Hampir separuh daripada responden (41%) juga mengalami kekurangan perlindungan sosial termasuk insurans dan cuti sakit berbayar.




“... kami tidak rasa selamat di tempat kerja dan tidak dilayan seperti manusia. Majikan memberi upah yang rendah kerana ikut mereka, kita hanyalah pendatang haram. Sudah beberapa kali mereka tidak membayar gaji tepat pada masanya.” – Peserta lelaki, 37, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur



“Bos saya adalah rakyat Malaysia dan layanannya terhadap saya tidak sama berbanding layanannya terhadap orang lain dan dia membayar saya gaji yang rendah... Sebagai pekerja sambilan, saya tidak boleh menuntut cuti sakit atau sebarang cuti langsung.” – Peserta wanita, 38, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur

Responden wanita melaporkan insiden perlindungan yang lebih kurang. Lebih daripada separuh responden wanita melaporkan bahawa mereka tidak mengalami sebarang insiden perlindungan di tempat kerja mereka, sama ada berpunca dari majikan (52%) atau pihak berkuasa (56%) - lima kali lebih tinggi daripada responden lelaki yang melaporkan tidak menghadapi sebarang risiko dari majikan (10%) dan pihak berkuasa (11%). Jenis insiden yang dialami oleh responden juga berbeza mengikut jantina. Bagi responden wanita, insiden perlindungan yang paling lazim dilakukan oleh majikan adalah gaji rendah (22%), penderaan atau gangguan (15%), dan isu pembayaran gaji (11%). Bagi responden lelaki, insiden perlindungan yang paling biasa dilakukan oleh majikan adalah gaji rendah (71%), isu pembayaran gaji (56%), dan kekurangan perlindungan sosial (47%).

Rajah 9: Jenis eksploitasi yang dialami kerana majikan





Pihak berkuasa

Dari segi insiden perlindungan yang dilakukan oleh pihak berkuasa di tempat kerja, responden lelaki dan perempuan paling kerap melaporkan insiden penangkapan atau penahanan, rasuah atau peras ugut, dan rampasan kad UNHCR atau ID lain.




“[Tempat kerja] bukanlah tempat yang selamat sama sekali kerana ketakutan ditangkap. Setiap kali apabila saya perlu keluar menghantar barang dengan lori, kadangkala saya ditangkap oleh pihak berkuasa [dan] terpaksa membayar denda.” – Peserta lelaki, 26, Selangor, peserta temu duga separuh berstruktur



“... polis meminta wang walaupun saya mempunyai Kad UNHCR tanpa [melakukan apa-apa] kesalahan tetapi mereka mengatakan bahawa saya tidak dibenarkan bekerja di Malaysia. Mereka merampas dompet saya dan mengambil semua wang saya dari dompet.” – Peserta lelaki, 37, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur

Rajah 10: Jenis insiden perlindungan yang dialami di tempat kerja (dilakukan oleh pihak berkuasa)



Bantuan

Walaupun dokumen UNHCR tidak memberi sebarang hak yang sah kepada pelarian dan pemohon suaka di Malaysia, dokumen tersebut mempermudah akses kepada bantuan, sumber dan perlindungan tertentu. Sebagai contoh, pelarian dan pemohon suaka yang memegang dokumen UNHCR boleh mengakses perkhidmatan kesihatan awam dengan diskaun 50% daripada kadar warga asing.²⁵ Walau bagaimanapun, ramai yang masih tidak mampu membiayai perbelanjaan kesihatan, seperti yang dikongsi oleh seorang peserta temu duga yang juga merupakan pemegang kad UNHCR.



“Saya sangat kecewa dengan penjagaan kesihatan kerana saya tidak mendapat rawatan yang berpatutan dari hospital awam. Kali terakhir saya mendapat rawatan kosnya terlalu mahal, dan saya ada satu lagi janji temu bulan ini. Saya tidak pergi ke hospital kerana tidak mempunyai wang yang mencukupi.” – Peserta lelaki, 37, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur²⁶

Walaupun majoriti responden mempunyai pekerjaan, sebahagian besar masih hidup dalam keadaan tidak menentu. 95% menunjukkan keperluan untuk bantuan sara hidup, terutamanya bantuan kewangan, tetapi kebanyakan (87%) melaporkan tidak menerima sebarang bantuan dalam tempoh 12 bulan yang lalu di Malaysia. Bagi mereka yang mengalami insiden perlindungan di tempat kerja, 58% tidak dapat apa-apa bantuan - kekurangan hak di Malaysia telah menghalang akses mereka kepada perlindungan dan bantuan yang sedia ada.



“Jika [saya] diserbu oleh pihak imigresen [di tempat kerja saya, saya] perlu melarikan diri. Kalau tidak, [saya] perlu masuk penjara selama 14 hari dan lebih.” Peserta lelaki, 24, Kuala Lumpur, peserta temu duga separa berstruktur


Persepsi mengenai prospek di Malaysia

Responden berasa optimis tentang peluang pekerjaan di Malaysia. Lebih tiga suku responden (78%) bersetuju dengan kenyataan: ‘Saya berharap saya dapat menyumbang lebih banyak kepada ekonomi Malaysia’. Lebih daripada separuh (54%) percaya bahawa mereka akan dapat gaji yang lebih tinggi dan menikmati kehidupan yang lebih baik di Malaysia jika mereka bekerja keras.

25 UNHCR Malaysia. (2023) [Health Services - Refugee Malaysia](#).

26 Semua petikan daripada peserta temu duga separa berstruktur yang dipetik dalam laporan telah disunting untuk memberi maksud yang lebih jelas dan untuk pembedaan kesilapan tatabahasa atau ejaan.

Rajah 11: Persepsi mengenai prospek di Malaysia



Potensi sumbangan kepada ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia sangat bergantung kepada pekerja asing yang telah membentuk kira-kira 20% daripada jumlah tenaga kerja pada 2019.²⁷ Berikutan fasa pemulihan ekonomi pasca pandemik, negara ini telah menyaksikan peningkatan keperluan buruh migran yang ketara merentasi sektor ekonomi yang berbeza. Ini telah mengakibatkan jurang tenaga kerja antara 800,000 dan satu juta orang pekerja.²⁸ Contohnya, sektor pembinaan yang juga merupakan salah satu pemacu ekonomi utama Malaysia telah terjejas atas sebab kekurangan tenaga kerja kritikal sebanyak 400,000 orang pekerja sejak tahun 2022.²⁹

Walaupun tiadanya hak bekerja, pelarian Rohingya mencari rezeki melalui pekerjaan informal – ini juga merupakan satu-satunya cara mereka untuk terus hidup sebagai pelarian bandar di Malaysia. Rohingya merupakan sebahagian daripada tenaga kerja yang telah menyumbang kepada tenaga kerja dalam industri intensif buruh, iaitu pemacu utama ekonomi Malaysia. Tambahan pula, perbelanjaan harian masyarakat Rohingya di Malaysia secara tidak langsung telah menyumbang kepada ekonomi negara. Memberikan hak kerja secara sah kepada pelarian boleh menyumbang kepada masalah kekurangan buruh dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, ini masih tidak tercapai dan kekurangan pengiktirafan undang-undang telah menghalang Rohingya daripada menyumbang secara substantif kepada ekonomi Malaysia, dan mendedahkan mereka kepada eksploitasi dan penderaan. Pelarian Rohingya menghadapi ketakutan yang berterusan akibat daripada penangkapan dan penahanan oleh pihak berkuasa dan risiko eksploitasi oleh majikan masa bekerja:



“Di Malaysia, kami tidak diiktiraf sebagai pendatang sah. [Kami] tidak mempunyai hak undang-undang untuk bekerja dalam mana-mana sektor. [Kami takut] akan ditangkap pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Jika kerajaan Malaysia membenarkan pelarian bekerja secara sah dan memulakan perniagaan, ia akan memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia.” – Peserta wanita, 38, Kuala Lumpur, responden temu duga separa berstruktur

Sesetengah responden juga berkongsi bahawa mereka mempunyai kemahiran yang berkaitan tetapi tidak dapat memanfaatkan kemahiran tersebut atas sebab halangan undang-undang:



“Saya telah belajar semua kemahiran dalam perkhidmatan mencuci kereta, saya boleh memiliki [perniagaan] cuci kereta saya sendiri jika saya dibenarkan [oleh undang-undang].” – Peserta lelaki, 21, Kuala Lumpur, responden tinjauan

“Jika saya ingin bekerja atau membuka perniagaan seperti restoran di Malaysia, saya memerlukan dokumentasi sah. Saya sudah ada kemahiran tertentu, yang kurangnya hanyalah kelulusan dari segi undang-undang.” – Peserta lelaki, 52, Kuala Lumpur, responden tinjauan

27 ILO / UN Country Team Malaysia. (2019) *Policy Brief: Labour Migration in Malaysia*.

28 Tee, K. (2023) *Report: Malaysia still short of one million foreign workers post-pandemic, says association*. Malay Mail.

29 Ignatius, C (2022) *Labour shortage, weaker ringgit among challenges faced by construction industry this year*



5.0 KESIMPULAN

Secara kontras dengan retorik politik bahawa pelarian merupakan beban kepada sumber awam,³⁰ kajian ini mendapati majoriti responden pelarian Rohingya adalah berdikari dan tidak banyak bergantung kepada pihak kerajaan. Sebaliknya, mereka juga telah menyumbang kepada ekonomi Malaysia melalui pekerjaan informal serta perbelanjaan harian mereka. Walau bagaimanapun, pelarian Rohingya sering mengalami eksploitasi di tempat kerja kerana kekurangan pengiktirafan undang-undang. Walaupun kebanyakannya mempunyai pekerjaan, mereka masih menghadapi keadaan kewangan yang tidak terjamin dan hidup di pinggir masyarakat kerana sifat pekerjaan informal yang tidak menentu. Walaupun pemberian hak kepada pelarian Rohingya untuk bekerja di Malaysia secara sah tidak akan menangani isu perlindungan pelarian secara keseluruhan, ia boleh memperkasakan pelarian dan membenarkan mereka menyumbang lebih banyak kepada ekonomi Malaysia, dan akhirnya bermanfaat kepada kedua-dua pihak - tuan rumah dan komuniti pelarian.

Cadangan polisi berikut telah dirumuskan berdasarkan hasil kajian utama yang dibincangkan di atas:

Untuk organisasi kemanusiaan dan bantuan:

- i. Merangka pengaturcaraan mata pencarian yang mengarusperdanakan jantina ('mainstream gender'), dan mengambil kira kekuatan komuniti pelarian, keperluan mereka serta menggalakkan kelestarian dan daya tahan komuniti.
 - a. Status kerja dalam kalangan responden wanita adalah agak rendah berbanding dengan responden lelaki walaupun tahap pendidikan mereka lebih tinggi. Organisasi harus mengamalkan pengaturcaraan mata pencarian sensitif jantina yang menjamin peluang yang serata bagi lelaki dan wanita.
